

# UMS rancang tawar sijil, diploma minyak dan gas

**Oleh S. CONNIE PEARL SUIL**

[conypearl09@gmail.com](mailto:conypearl09@gmail.com)

UB 16-5-2013 A7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk menawarkan sijil dan diploma dalam bidang minyak dan gas di Wilayah Persekutuan Labuan.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr Harun Abdullah berkata demikian

selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), di sini kelmarin.

Menurutnya, pelan terbabit adalah penting memandangkan Labuan adalah hab kepada industri minyak dan gas.

“Kita bercadang untuk memperkenalkan peringkat sijil dan

diploma bagi program ini pada akhir tahun diikuti dengan pengenalan program ijazah pada tahun hadapan.

“Kini kita berada pada peringkat perbincangan akhir untuk menyediakan kertas kerjadan cadangan ini akan dibawa ke peringkat tertinggi termasuk kementerian,” katanya.

Mengenai jumlah pengambilan pelajar, pihaknya akan melihat

daripada pelbagai aspek dan mendaftar antara 30 hingga 50 pelajar pada bulan September tahun hadapan sebagai permulaan.

Harun berkata, UMS memerlukan sinergi bersama dengan pemain industri menerusi kolaborasi seperti Labuan FSA bagi mengetahui keperluan serta jangkaan industri terhadap graduan universiti.